

# Impak Pembangunan Homestay dalam Kalangan Komuniti Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Malaysia

*(The Impact of Homestay Program to the Community of Federal Land Development Authority (FELDA), Malaysia)*

**Norlida Hanim Mohd Salleh**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Suhaya Samad**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada asasnya ditubuhkan atas tujuan untuk mengatasi masalah kemiskinan yang disebabkan oleh ketiadaan tanah pertanian untuk menjana pendapatan. Kini, melalui rancangan tersebut masalah utama dapat diatasi, malah dalam usaha meningkatkan pendapatan petani, pelbagai usaha terus dilakukan. Pelbagai bentuk penglibatan diceburi oleh peneroka antaranya penglibatan komuniti FELDA dalam program homestay. Penyertaan dalam program homestay bukan sahaja berjaya menangani masalah ketiadaan penyediaan perkhidmatan penginapan pelancongan yang terpencil, tetapi dapat menjana pendapatan tambahan kepada komuniti selain membawa beberapa impak tambahan. Kajian ini bertujuan menganalisa impak yang diperolehi komuniti secara empirikal dengan melibatkan diri dalam program ini. Impak yang dikaji merangkumi empat (4) aspek iaitu ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Kajian ini berasaskan kerja lapangan dengan berbantuan soal selidik sebagai instrument kajian. Sejumlah 161 responden terlibat dalam temu bual ini di beberapa lokasi homestay di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata. Analisis mean digunakan untuk tujuan menilai impak yang diperolehi selain dibantu oleh ujian ANOVA sehalu dan ujian Post Hoc Turkey HSD. Hasil kajian mendapati bahawa program homestay yang diceburi sememangnya membawa impak positif kepada pengusaha dari segi impak ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Secara berbanding impak ekonomi adalah lebih tinggi diperolehi Homestay Semenchi, Mata Ayer dan Sg. Klah berbanding homestay lain, manakala dari segi impak budaya, homestay Mata Ayer, Semenchi dan Jengka pula mengatasi lain-lain homestay. Dari segi impak alam sekitar pula faedah yang dinikmati oleh pengusaha Homestay Sg. Klah adalah paling tinggi. Bagi impak sosial, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan ketara antara kesemua homestay kajian. Oleh kerana penglibatan dalam program homestay dapat membawa impak yang signifikan kepada pengusaha, galakan dan bantuan daripada kerajaan dan pihak FELDA adalah diperlukan. Pengusaha homestay juga boleh menjadikan homestay yang memperoleh impak yang tinggi seperti Homestay Semenchi, Mata Ayer, Jengka dan Sg. Klah sebagai model bagi membangunkan homestay mereka.

Kata kunci: FELDA; homestay; impak; penglibatan komuniti; Malaysia.

## ABSTRACT

The Federal Land Development Authority (FELDA) is fundamentally established for the purpose of addressing the poverty problem caused by the absence of agricultural land to generate income. Now, through the plan the main problem has been solved. In fact, in order to increase farmer income, various efforts have been made. Various forms of involvement are involved by settlers, including the involvement of the FELDA community in the homestay program. Participation in the homestay program not only addresses the problem of the lack of provision of accommodation services in remote tourism areas but can generate additional income to the community as well as bringing some additional impact. This study aims to analyze the impact of the community that is involved in the program. The impacts are in four (4) aspects, which are the economic, social, cultural and environmental aspects. This study is based on fieldwork with the aid of questionnaire as a study instrument. A total of 161 respondents were involved in this interview at several homestay locations throughout Peninsular Malaysia. Sample selection is randomly stratified. Mean analysis is used for the purpose of assessing the impact obtained besides assisted by one-way ANOVA test and Post Hoc Turkey HSD test. The findings show that the homestay program has a positive impact on the businessman in terms of economic, social, cultural and environmental impact. Compared to the economic impact, the higher the Semenchi Homestay, Mata Ayer and Sg. As compared to other homestays, while in terms of cultural impact, homestay Mata Ayer, Semenchi and Jengka homestay over other homestays. In terms of environmental impact, the benefits enjoyed by Homestay Sg. Klah is the highest. For social impact, this study found no significant difference between all homestay studies. Since the involvement in the



*homestay program can have significant impact on entrepreneurs, encouragement and assistance from the government and the FELDA are required. Homestay operators can also make high-impact homestays such as Homestay Semencu, Mata Ayer, Jengka and Sg. Klah as a model for developing their homestay.*

*Keywords: FELDA; homestay; impact; community involvement; Malaysia.*

## PENGENALAN

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) merupakan sebuah agensi kerajaan yang merancang penempatan semula golongan miskin luar bandar ke kawasan baru yang dibangunkan. Ia memberi tumpuan kepada pembukaan ladang-ladang pekebun kecil menanam tanaman tunaian seperti getah dan kelapa sawit. Skim FELDA pada asasnya tertumpu kepada bumiputra, yang majoriti merupakan penduduk miskin (pada awal kemerdekaan). Penubuhan FELDA pada 1 Julai 1956 di bawah Akta Kemajuan Tanah telah dikuatkuasakan. Dengan modal permulaan sebanyak RM10 juta, sehingga kini FELDA merupakan sebuah badan berkanun yang berjaya membawa perubahan ke atas pembangunan luar bandar dalam masa yang sama dapat membantu meningkatkan keluaran negara menerusi sumbangan utama kepada hasil komoditi utama minyak kelapa sawit dan penyenaarian FELDA Global Ventures Holding Berhad (FGVH) di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012. Ia merupakan tawaran awam yang terbesar di Asia dan kedua terbesar di dunia yang menempatkan Malaysia dalam radar pelaburan global (Laporan Ekonomi 2012/2013).

Pencapaian yang telah dicapai oleh FELDA telah diiktiraf oleh Bank Dunia apabila berjaya memajukan penduduk desa melalui pembangunan tanah dan petempatan baru. Keluasan tanah perladangan ini adalah yang terbesar di dunia dengan keluasan ladang seluas 811,140 hektar meliputi kawasan kelapa sawit di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kejayaan ini telah mendorong pembangunan program kemajuan tanah yang lain di peringkat wilayah seperti Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Johor Tengah (KEJORA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Jelas, fokus utama penubuhan FELDA untuk meningkatkan pembangunan luar bandar dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat di luar bandar melalui penempatan semula telah berjaya.

Kini, Seiring dengan peredaran masa, kehidupan yang dilalui oleh warga peneroka sudah banyak mengalami perubahan khususnya dari segi sosioekonomi dan membolehkan mereka lebih berdikari. Ada antara mereka mula terlibat dengan pelbagai bidang keusahawanan demi mencari sumber pendapatan sampingan baru. Jelasnya, di samping hasil tuaian kelapa sawit, kini mereka berpeluang menjalankan aktiviti ekonomi lain.

Antara aktiviti yang harus terus dibangunkan dalam kawasan tanah FELDA ini adalah pembangunan produk pelancongan. Ini kerana ada antara kawasan FELDA ini mempunyai tarikan pelancongan semulajadi yang menarik seperti sungai, mata air panas, air terjun dan sebagainya. Selain dilengkapi dengan struktur kawasan petempatan peneroka yang berkelompok dan dilengkapi prasarana asas yang akan memudahkan pengurusan.

Ini merupakan peluang yang harus dieksploitasi dan dibangunkan dikawasan tanah rancangan FELDA. Ia memberikan peluang yang baik kepada peneroka untuk terlibat sebagai alternatif untuk meningkatkan pendapatan. Malah ianya sejajar dengan matlamat kerajaan ingin meningkatkan pendapatan isi rumah seterusnya pendapatan negara dengan membangunkan kawasan luar bandar. Tanah rancangan FELDA tidak patut ketinggalan dalam membangunkan kawasan luar bandar.

Menyedari kepentingan dan peluang ini, beberapa buah kawasan tanah rancangan FELDA yang sudah melibatkan diri dalam pembangunan pelancongan khususnya homestay. Melalui penglibatan ini pelbagai impak telah diperolehi komuniti. Kajian ini bertujuan untuk meninjau secara empirikal impak yang diperolehi komuniti FELDA melalui penglibatan mereka dalam aktiviti ini. Secara spesifik kajian bertujuan untuk menganalisis tahap impak yang diperolehi dan tahap keterlibatan mereka. Impak yang dikaji meliputi impak ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar serta membandingkan impak-impak tersebut antara kawasan homestay. Tujuan perbandingan impak adalah untuk mencari amalan terbaik yang boleh dipraktikkan di kawasan homestay yang lain.

Struktur perbincangan penulisan kajian ini akan diteruskan dengan kajian literatur, disusuli penerangan metodologi, perbincangan analisis empirikal dapatan kajian, kesimpulan dan implikasi kajian.

## KAJIAN LITERATUR

Pembangunan homestay di Malaysia telah diiktiraf sebagai pemangkin kepada pembangunan masyarakat luar bandar (Kementerian Pelancongan 2014). Menerusi program homestay terdapat kesan nyata diperolehi komuniti yang terbahagi kepada kesan ekonomi, sosial, infrastruktur dan alam sekitar (Salleh et al. 2014). Menurut Yunis (2004) dan Ashley et al. (2001) perkembangan pelancongan di negara-negara membangun lebih cepat berkembang berbanding dengan negara-negara maju disebabkan faktor kedudukan yang strategik. Program homestay

bukan sekadar program pelancongan desa, malahan sebagai satu strategi untuk pembangunan luar bandar yang memerlukan komitmen yang tinggi dikalangan penduduk sekitar. Pertumbuhan program homestay di Malaysia telah menyediakan peluang yang besar kepada masyarakat luar bandar dan menjadi penyokong kepada pembangunan sosio-ekonomi luar bandar.

Teori *Neo Populist* mencadangkan komuniti setempat harus menjadi pusat kepada perancangan dan pengurusan pelancongan kerana akan menggalakkan mereka terlibat dalam aktiviti pembangunan tanpa meminggirkan mereka. Penglibatan komuniti boleh dicapai melalui sistem perancangan yang formal dan aktif (Razzaq et al. 2011). Menurut Scheyvens (2002) ini merupakan cara berkesan untuk membolehkan komuniti setempat dan persekitaran menerima kesan daripada pembangunan negara terutamanya dalam industri pelancongan. Pembangunan pelancongan yang berasaskan komuniti adalah usaha untuk memperkukuhkan pembangunan pelancongan dengan meningkatkan penyertaan tempatan akan menggalakkan pembangunan ekonomi, sosial dan budaya berkembang dengan seimbang (Brohman 1996).

Di Malaysia, pembangunan homestay ini telah bermula seawal tahun 1995 di Desa Murni Kerdau, Temerloh Pahang, yang merupakan cetusan homestay pertama. Bermula dari tarikh tersebut, bilangan homestay terus bertambah dan sehingga kini terdapat sejumlah 219 kluster homestay di Malaysia dengan jumlah pengusaha seramai 4025 pengusaha dan sejumlah 5650 bilik yang ditawarkan. Sehubungan dengan itu pelbagai kajian berkaitan homestay di Malaysia telah dilakukan. Namun, masih terdapat lompang di dalam penyelidikan dan memerlukan kepada penyelidikan demi penyelidikan dan mengaitkan pelbagai komuniti yang terlibat.

Antaranya kajian yang dijalankan oleh Bhuiyan (2013) di negeri Terengganu. Negeri ini merupakan negeri yang mempunyai kedudukan yang terendah daripada segi pembangunan ekonomi menerusi pendapatan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Dengan itu, pembangunan homestay telah dilihat sebagai mampu menjadi salah satu aktiviti yang dapat menjana ekonomi khusus kepada masyarakat. Dapatan kajian ini mendapati masyarakat tempatan akan mendapat manfaat daripada segi ekonomi, sosial, alam sekitar dan kebudayaan.

Abdul Rasid et al. (2011) pula memberi fokus kepada perusahaan homestay di selatan Malaysia iaitu Johor, juga mendapati program homestay memberikan kesan sosio ekonomi kepada komuniti yang terlibat dan mendapati penyertaan golongan belia perlu dirangsang agar program homestay dapat dikekalkan. Perlaksanaan strategi dan program yang menggalakkan golongan belia menyertai program homestay adalah perlu.

Program homestay sebenarnya juga adalah operasi perniagaan yang berpotensi untuk usahawan tempatan. Mereka dapat menjalankan perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS) seperti menghasilkan kerepek ubi, kraf tangan dan sebagainya. Dengan adanya aktiviti ekonomi

sampingan ini, komuniti tempatan khusus golongan belia dapat menambah sumber pendapatan mereka (Kim et al. 2012).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Kim et al. (2012) juga, pelancongan membantu komuniti di Virginia mengekalkan budaya hidup. Mereka juga merasakan dengan adanya pelancongan, ia dapat mengekalkan seni tradisional. Dengan kata lain, pelancongan dapat mengekalkan identiti budaya dan kepercayaan kepada generasi akan datang. Pelancongan juga dapat mengukuhkan perpaduan sosial dan kebanggaan yang akan membolehkan komuniti tempatan saling bergantung (Murphy & Watson 1995).

Di samping itu pembangunan pelancongan adakalanya membawa manfaat kepada alam sekitar (Kuvan & Akan 2005). Ini kerana ia dapat menjadi penyebab kepada komuniti tempatan untuk menjaga persekitaran mereka kerana sedar akan permintaan dari pelancong (Mbaiwa & Stronza 2011). Bagaimanapun, tidak terkecuali dikuatiri terdapat kesan sampingan yang menimbulkan kebimbangan di kalangan komuniti tempatan.

Kajian yang dilakukan oleh Bujosa Bestard dan Nadal (2007) menunjukkan bahawa, komuniti tempatan bimbang kesan terhadap alam sekitar. Mereka merasakan kedatangan pelancongan akan menyebabkan udara tidak bersih dan kesesakan kenderaan. Kim et al. (2012) juga mendapati bahawa terdapat hubungan sonsang antara kesan alam sekitar dan pelancongan terhadap kesihatan dan keselamatan komuniti di Virginia. Selain itu, kedatangan pelancong terlalu ramai akan menyebabkan kesesakan di kawasan rekreasi (Harvey et al. 1995). Ini akan menyebabkan pembuangan sampah tidak dapat dikawal.

Walaupun kajian dalam bidang pelancongan menemui wujudnya masalah alam sekitar akibat daripada pembangunan pelancongan, namun begitu secara relatif masalah yang wujud adalah kecil berbanding impak positif yang diperoleh. Oleh kerana kesan positif yang lebih tinggi berbanding kesan negatif, pembangunan homestay yang melibatkan komuniti harus sentiasa digalakkan.

## METODOLOGI KAJIAN

Analisis dalam kajian ini menggunakan data primer. Data primer diperoleh daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada 161 pengusaha homestay secara bersemuka di kawasan FELDA yang terpilih dan terlibat dalam program homestay. Data primer daripada borang soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A adalah soalan berbentuk terbuka berkaitan dengan profil demografi responden seperti jantina, umur dan status perkahwinan. Manakala bahagian B berkaitan dengan kesan/impak aktiviti pelancongan homestay melalui empat aspek utama iaitu ekonomi,

sosial, budaya dan alam sekitar. Menggunakan skala 5 likert bagi tujuan mengukur tahap impak yang diperolehi oleh setiap pengusaha iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Sedikit Setuju, 4= Setuju dan 5= Sangat Setuju.

Responden dipilih secara *stratified sampling*. Tujuh (7) buah kawasan tanah rancangan FELDA telah dikunjungi sebagai kawasan untuk mengumpul maklumat daripada responden. Kawasan tersebut terdiri daripada FELDA Semenchu, FELDA Serting Hilir, FELDA Sg. Tengi, FELDA Selasih, FELDA Jengka 25, FELDA Mata Ayer dan FELDA Sg. Klah. Proses pengumpulan maklumat dijalankan dengan berkunjung dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan homestay. Kawasan yang telah dipilih merupakan kawasan yang menyediakan penginapan homestay secara sah yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

Perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis ialah *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Analisis menggunakan analisis statistik deskriptif, ANOVA sehalu dan Post Hoc. Kaedah ini akan menjelaskan nilai kekerapan, peratusan min dan sisihan piawai. Analisis ini akan memfokuskan kepada ujian min terhadap impak pembangunan homestay di kawasan FELDA. Penggunaan nilai min dapat menjelaskan nilai purata tahap kebersetujuan responden dan nilai sisihan piawai untuk menjelaskan menentukan tahap kebersetujuan terhadap item – item soalan yang dikemukakan. Ia berdasarkan kepada objektif kajian untuk menganalisis status ekonomi dan tahap keterlibatan mereka.

Analisis Varians sehalu (ANOVA) dan ujian Post Hoc digunakan untuk menentukan perbezaan min yang signifikan antara pemboleh ubah. Analisis ini digunakan untuk melihat perbandingan impak mengikut kawasan homestay yang terlibat. Analisis ANOVA dan Ujian-F (F-Test) dijalankan untuk membuktikan kepentingan setiap impak. Analisis dijalankan pada aras signifikan  $\alpha = 0.05$  (arah keyakinan 95%) dan nilai-F yang tidak melebihi 0.05. Jika nilai Ujian-F signifikan, apabila kurang daripada 0.05 ini bermakna terdapat perbezaan min antara setiap kawasan perusahaan homestay. Tetapi jika nilai Ujian-F yang diperolehi melebihi pada aras keyakinan 95% (0.05) sumbangan impak tersebut adalah tidak penting. Dengan menggunakan ujian Post Hoc dapat menentukan perbezaan min yang signifikan mengikut kumpulannya.

## DAPATAN KAJIAN

### PROFIL RESPONDEN

Profil responden dibahagikan kepada sembilan kategori iaitu jantina, etnik, umur, status perkahwinan, jenis

keluarga, bilangan anak, pekerjaan, pendapatan dan tahap pencapaian pendidikan seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 1.

Responden kajian adalah seimbang, yang mana 50.9% merupakan responden wanita manakala 49.1% lagi adalah responden lelaki. Kesemua responden adalah terdiri daripada kaum Melayu. Majoritinya mereka iaitu 83.9% berumur 46 tahun dan ke atas, diikuti oleh 13.0% berumur dalam lingkungan 41 -45 tahun, 2.5% berumur

JADUAL 1. Profil responden

	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	79	49.4
Perempuan	82	50.9
<i>Etnik</i>		
Melayu	161	100
<i>Umur</i>		
31 – 35 tahun	1	0.60
36 – 40 tahun	4	2.50
41 – 45 tahun	21	13.1
46 dan ke atas	135	83.9
<i>Status perkahwinan</i>		
Berkahwin	157	97.5
Bujang	2	1.2
Janda/Duda	2	1.2
<i>Jenis Keluarga</i>		
Keluarga Asas	158	98.1
Keluarga Luas	3	1.9
<i>Bilangan Anak</i>		
Tiada	7	4.4
1 – 3 orang	48	30.0
4 – 6 orang	94	58.3
7 – 9 orang	12	7.5
10 dan ke atas	0	0
<i>Pekerjaan</i>		
Bekerja Sendiri	156	96.9
Sektor Awam	5	3.1
<i>Pendapatan</i>		
Bawah RM760	3	1.9
RM761 – RM1,500	149	92.5
RM1,501 – RM2,240	6	3.7
RM2,240 – 2,980	3	1.9
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Tiada pendidikan Formal	7	4.4
Sekolah Rendah	78	48.1
Sekolah Menengah	72	44.7
Diploma	4	2.5

antara 36 – 40 tahun dan 0.6% berumur antara 31 – 35 tahun. Faktor umur membuktikan aktiviti ini didominasi oleh responden yang masih mampu dan bersemangat melaksanakan perniagaandari pada hanya sekadar mengisi masa lapang (Syed Zamberi et al. 2013). Seramai 97.5% responden sudah berkahwin manakala 1.3% daripada responden adalah bujang dan 1.3% terdiri daripada janda dan duda. Keseluruhan responden terdiri daripada keluarga asas iaitu 98.1% hanya 1.3% responden terdiri daripada keluarga luas.

Daripada keseluruhan responden, 4.3% responden tidak mempunyai anak, 29.8% responden mempunyai anak di antara 1 hingga 3 orang. Manakala 58.4% responden mempunyai anak antara 7 hingga 9 orang dan hanya 7.5% responden yang mempunyai anak seramai 7 hingga 9 orang. Majoriti responden bekerja dengan pihak FELDA iaitu 96.6% sebagai peneroka tanah dan 3.1% merupakan pengawai penyelaras dan pengurusan di tanah rancangan FELDA. Sebanyak 1.9% responden memperoleh pendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu RM760. Manakala majoriti 92.5% berpendapatan RM 761 hingga RM1,500, 3.7% berpendapatan antara RM 1501 hingga RM2,240 dan 1.9% berpendapatan tertinggi antara RM2,241 hingga RM 2,980. Hasil dapatan mendapati 4.4% responden tidak mendapat pendidikan secara formal manakala yang mendapat pendidikan sehingga sekolah rendah dan sekolah menengah adalah masing-masing sebanyak 48.1% dan 44.7%. Hanya 2.5% responden mendapat pendidikan tertinggi sehingga ke peringkat diploma.

ANALISIS IMPAK EKONOMI

Secara keseluruhan persepsi penguasaha homestay di tanah rancangan FELDA merangkumi empat (4) aspek iaitu ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar.

Persepsi terhadap impak ekonomi mendapati impak yang positif secara keseluruhan oleh responden dengan min purata 4.522. Impak ekonomi tertinggi ditunjukkan oleh responden dengan menyatakan bahawa penyertaan homestay dapat menambah pendapatan sampingan tanpa bergantung kepada pendapatan utama hasil tanaman kelapa sawit dengan nilai min 4.410. Dapatan ini disokong oleh kajian Abd Aziz et al. (2010) yang menyatakan peluang perniagaan dan pembangunan di FELDA akan menambahkan pendapatan melalui gaji dan bonus. Impak ini secara langsung dapat meningkatkan taraf hidup penduduk kampung dan dibukti oleh sokongan responden dengan nilai min sebanyak 4.037. Impak lain yang mendapat skor min tertinggi adalah peningkatan kecekapan dalam mengurus, meningkatkan peluang kemahiran dan pengetahuan serta kemudahan awam dengan nilai min antara 3.901 - 4.385. Kemudahan awam penting dipertingkatkan dan merupakan keperluan asas disebabkan kedudukan penempatan peneroka yang jauh daripada bandar. Responden turut bersetuju penyertaan dalam homestay dapat membasmi kemiskinan dikalangan mereka selain dapat meningkatkan kuasa beli yang menyebabkan kualiti hidup yang lebih baik serta berkurangnya jurang pendapatan antara peserta dengan bukan peserta. Lain-lain impak ekonomi adalah seperti di tunjukkan oleh Jadual 2.

ANALISIS IMPAK SOSIAL

Daripada aspek sosial pula, responden menyatakan penglibatan dalam homestay memberikan manfaat sosial kepada masyarakat setempat dengan nilai purata sebanyak 4.584 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Hubungan sosial dan perpaduan yang lebih erat antara keluarga dan masyarakat juga dapat digalakkan dan ini boleh menjamin kualiti hidup yang lebih baik (4.615),

JADUAL 2. Impak ekonomi pembangunan homestay di kawasan FELDA

Impak	Min	Sisihan Piawai
Boleh memberikan peluang pekerjaan	3.664	0.844
Dapat menambah pendapatan sampingan keluarga	4.441	0.611
Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan di kampung	4.404	0.637
Mengurangkan jurang pendapatan antara peserta homestay dan bukan peserta.	3.901	2.391
Hasil pendapatan dijana boleh menyumbang kepada pembangunan kampung	3.745	0.801
Menggalakkan industri kraftangan tempatan	3.453	0.858
Menggalakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi	3.522	0.791
Meningkatkan kuasa beli dan menyebabkan kualiti hidup yang lebih baik	4.044	0.793
Membasmi kemiskinan di kalangan penduduk kampung	4.013	0.814
Meningkatkan kemudahan awam untuk penduduk tempatan	4.348	0.654
Meningkatkan peluang kemahiran dan pengetahuan individu	4.379	0.632
Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan	4.385	0.603
Secara keseluruhan memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat	4.522	0.582

Nota Skala Min: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Sedikit Setuju, 4 = Setuju dan .5 = Sangat Setuju.

JADUAL 3. Impak Sosial Pembangunan Homestay di kawasan FELDA

Impak	Min	Sisihan Piawai
Setiap keluarga mempunyai peranan masing – masing	4.367	0.668
Mewujudkan masyarakat bertanggungjawab	4.553	0.580
Masyarakat dapat meningkatkan kerjasama di kalangan mereka.	4.596	0.563
Kualiti hidup daripada pembangunan pelancongan homestay akan menggalakkan perpaduan yang lebih erat antara keluarga dan masyarakat	4.615	0.537
Mengurangkan penghijrahan generasi muda ke bandar	2.968	0.862
Meningkatkan kemahiran komunikasi	4.012	0.581
Meningkatkan keselamatan kawasan	4.261	0.746
Mengurangkan jenayah dan gejala sosial kawasan kampung	4.298	0.697
Secara keseluruhan memberi manfaat sosial kepada masyarakat setempat	4.584	0.555

Nota Skala Min: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Sedikit Setuju, 4 = Setuju dan .5 = Sangat Setuju.

meningkatkan kerjasama antara masyarakat (4.596) serta mewujudkan masyarakat bertanggungjawab (4.553).

Aspek keselamatan juga merupakan aspek sosial yang penting dalam penentu pembangunan. Dengan membangunkannya homestay, pengusaha berkeyakinan ini berupaya mengurangkan jenayah dan gejala sosial kawasan kampung (4.298) kerana masyarakat lebih sibuk dan terikat dengan aktiviti harian daripada membuang masa dengan aktiviti kurang sihat. Malahan bagi pengusaha ini, keselamatan kawasan dapat ditingkatkan (4.261). Menurut kajian Abd Aziz et al. (2010) peneroka pada asasnya tidak bersetuju bahawa kadar jenayah akan meningkat akibat perubahan urbanisasi di kawasan FELDA mereka. Tetapi sebaliknya melalui pembekalan perkhidmatan homestay hubungan komunikasi yang lebih baik dapat ditingkatkan sama ada antara komuniti mahupun dengan pelancong. Kesannya kemahiran berkomunikasi dapat dipertingkatkan apabila berinteraksi dengan pelancong yang berlainan latar belakang.

#### ANALISIS IMPAK SOSIAL-BUDAYA

Pelancongan berasaskan warisan kebudayaan merupakan antara tarikan yang membawa kepada kedatangan pelancong ke negara membangun. Bagi Malaysia pula, jumlah kedatangan pelancong antarabangsa berasaskan warisan kebudayaan dianggarkan berjumlah 3.54 juta pada tahun 2016 dengan jumlah pendapatan pelancongan yang diterima adalah sebanyak RM10.865 bilion (Data Sektor Kebudayaan 2017). Meninjau terhadap impak ini, secara keseluruhan responden sangat bersetuju terhadap aspek ini dengan nilai min persetujuan adalah 4.335. Ini bermakna jelas dengan membangunkan homestay pelbagai aktiviti kebudayaan tempatan, adat resam tradisional dan gaya hidup masyarakat dapat dikekalkan. Pemuliharaan kebudayaan amat perlu kerana berupaya menjadi tarikan yang membawa kepada kedatangan pelancong. Berdasarkan Jadual 4 mendapati dua aspek budaya yang mencatatkan nilai purata yang tinggi iaitu gaya hidup masyarakat tempatan dikekalkan dan identiti

JADUAL 4. Impak budaya pembangunan homestay di kawasan FELDA

Impak	Min	Sisihan Piawai
Gaya hidup masyarakat tempatan dikekalkan	4.733	0.471
Identiti / adat resam sebuah keluarga diperturunkan melalui pross sosialisasi	4.752	3.178
Budaya tempatan dikomersialkan bagi memenuhi permintaan pelancongan	4.429	0.659
Membangunkan kumpulan kebudayaan	3.783	0.871
Mewujudkan masyarakat cintakan budaya	4.143	0.590
Mengetahui budaya luar	4.329	0.650
Meningkatkan kesedaran budaya tempatan dalam kalangan penduduk	4.106	0.566
Mengekalkan rumah tradisional tempatan	3.806	0.810
Mengekalkan sukan tradisional/ rakyat masyarakat tempatan	4.031	0.656
Pemuliharaan kawasan sejarah	3.584	0.894
Memelihara identiti budaya masyarakat	4.255	0.573
Secara keseluruhan dapat mempelbagaikan dan memelihara aktiviti kebudayaan tempatan	4.335	0.580

Nota Skala Min: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Sedikit Setuju, 4 = Setuju dan .5 = Sangat Setuju.

serta adat resam sesebuah keluarga yang diperturunkan melalui proses sosialiasasi iaitu dengan nilai min sebanyak 4.733 dan 4.752. Jelas, menerusi pembangunan homestay, ciri-ciri budaya masyarakat lama dapat diperturunkan kepada generasi muda dan kesinambungan ini dapat terus dikekalkan.

Nilai budaya amat penting dalam diri masyarakat kerana budaya tempatan dapat dikomersialkan bagi memenuhi permintaan pelancong dan ini dipersetujui oleh responden dengan nilai purata min 4.429. Kedatangan pelancong daripada pelbagai latar belakang budaya juga akan membolehkan berlaku pertukaran pengetahuan budaya, (4.329). Keadaan ini secara lebih global menyebabkan mewujudkan masyarakat yang cintakan budaya (4.1429) dalam usaha memelihara identiti budaya (4.255).

Pengekalan budaya yang dapat dikekalkan dan diketengahkan dengan membangunkan homestay adalah sukan tradisional (4.031) dan rumah tradisional (3.808). Dalam hal rumah tradisional walaupun dapat dikekalkan namun, struktur rumah peneroka FELDA pada asasnya sudah mula berubah kepada bentuk yang lebih moden atas tujuan keselesaan. Manakala dari aspek pembangunan kumpulan kebudayaan dan pemuliharaan kawasan bersejarah, dengan membangunkannya homestay, didapati ianya juga dapat dimantapkan (3.783 dan 3.584).

ANALISIS IMPAK ALAM SEKITAR

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan perkembangan dan pembangunan homestay di FELDA turut meningkatkan kualiti alam sekitar dengan nilai min persetujuan responden 4.503. Secara terperinci ramai pengusaha bersetuju bahawa dengan pembangunan homestay di kawasan mereka telah meingkatkan imej dan pemandangan kampung (4.702), menggalakkan pemuliharaan alam semulajadi (4.578), meningkatkan tahap kebersihan

kawasan kampung (4.540), meningkatkan pengurusan sampah sarap (4.223) dan meningkatnya pembinaan lebih banyak taman dan rekreasi (4.062). Sungguhpun pembangunan homestay ini membawa impak alam sekitar yang negatif seperti kualiti udara yang terjejas akibat kedatangan kenderaan, berlakunya kesesakan, kawasan menjadi bising dan berlaku pencemaran air, namun purata min yang dicatatkan adalah agak rendah iaitu antara 1.721-2.093. Ini membuktikan tiada berlakunya kesan negatif yang ketara kepada alam sekitar dan daya tampungan yang ditanggung oleh alam sekitar akibat pembangunan perusahaan homestay adalah stabil.

PERBANDINGAN IMPAK MENGIKUT KAWASAN HOMESTAY

Analisis perbandingan impak antara homestay adalah berasaskan kepada ujian ANOVA dan ujian Post hoc Turkey HSD. Daripada keputusan ANOVA (rujuk Jadual 6), kesemua impak ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar adalah signifikan kerana nilai  $p$  adalah lebih kecil daripada 0.05. Ini membuktikan impak yang diperoleh oleh setiap tanah rancangan FELDA yang mengusahakan homestay adalah berbeza. Hasil analisis ANOVA bagi impak ekonomi  $F(6,154) = 9.867, p < 0.05$ , impak budaya  $(6,154) = 10.95, p < 0.05$ , impak alam sekitar

JADUAL 6. Ujian ANOVA

Impak	Sum of Squares	df	F	Sig.
Ekonomi	11.068	6	9.867	0.000
Sosial	1.348	6	0.225	0.046
Budaya	8.72	6	10.95	0.000
Alam Sekitar	4.775	6	12.741	0.000

JADUAL 5. Impak Alam Sekitar Pembangunan Homestay di kawasan FELDA

Impak	Min	Sisihan Piawai
Menggalakkan pemuliharaan alam semula jadi	4.578	0.609
Meningkatkan imej dan pemandangan kampung	4.702	0.498
Meningkatkan tahap kebersihan kawasan kampung	4.540	0.622
Kualiti udara terjejas akibat banyak kenderaan	2.093	1.011
Meningkatkan pengurusan sampah sarap	4.230	0.760
Menggalakkan aktiviti kitar semula	2.863	0.771
Melindungi hidupan liar sepesis burung migrasi	3.155	0.939
Membangunkan lebih banyak taman dan kawasan rekreasi	4.062	0.842
Menambah kesesakan lalu lintas	1.814	0.846
Membuat kawasan menjadi bising	1.721	0.735
Menyebabkan pencemaran air	1.758	0.789
Secara keseluruhan aktiviti homestay meningkatkan kualiti alam sekitar	4.503	0.653

Nota Skala Min: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Sedikit Setuju, 4 = Setuju dan .5 = Sangat Setuju.

$F(6,154) = 12.741, \rho < 0.05$ , dan impak sosial  $F(6,154) = 0.225, \rho < 0.05$ .

Manakala, Ujian Post hoc Turkey HSD pula adalah seperti ditunjukkan oleh Jadual 7 (a–impak ekonomi), (b–impak sosial), (c–impak budaya) dan (d–impak alam sekitar). Dari segi ekonomi terdapat tiga kumpulan yang mengalami nilai impak yang berbeza. Berdasarkan Jadual 7, kumpulan pertama terdiri daripada homestay di Felda Selasih, Felda Serting Hilir, Felda Sg. Tinggi dan

Felda Jengka 25. Kumpulan kedua pula adalah homestay di Felda Serting Hilir, Felda Sg. Tinggi, Felda Jengka 25, Felda Semenchu dan Felda Mata Ayer. Manakala kumpulan terakhir ialah Felda Sg. Klah, Felda Mata Ayer dan Felda Semenchu. Daripada perbandingan ketiga-tiga kumpulan ini didapati kumpulan ketiga iaitu Felda Sg. Klah, Felda Mata Ayer dan Felda Semenchu mencatatkan impak ekonomi tertinggi berbanding yang lain.

JADUAL 7. Ujian Post Hoc Turkey: Perbezaan impak program homestay di FELDA

Felda	N	Kumpulan		
		1	2	3
(a-Impak Ekonomi)				
Selasih	20	3.5692		
Serting Hilir	16	3.8221	3.8221	
Sg. Tinggi	11	3.9510	3.9510	
Jengka 25	23	3.9900	3.9900	
Semenchu	62		4.1737	4.1737
Mata Ayer	14		4.2143	4.2143
Sg. Klah	15			4.5744
Sig.		.068	.111	.096
(b-Impak Sosial)				
Sg. Tinggi	11	4.1414		
Semenchu	62	4.1792		
Serting Hilir	16	4.2083		
Jengka	23	4.2609		
Mata Ayer	14	4.3016		
Selasih	20	4.3833		
Sg. Klah	15	4.4296		
Sig.		.114		
(c-Impak Budaya)				
Serting Hilir	16	3.8229		
Selasih	20	3.8958		
Sg. Tinggi	11	3.9924	3.9924	
Sg. Klah	15	4.0056	4.0056	
Mata Ayer	14	4.1369	4.1369	4.1369
Jengka	23		4.3080	4.3080
Semenchu	62			4.4288
Sig.		.151	.146	.220
(d-Impak Alam Sekitar)				
Selasih	20	3.1625		
Serting Hilir	16	3.2604		
Semenchu	62	3.2688		
Jengka 25	23	3.3043		
Mata Ayer	14	3.3333		
Sg. Tinggi	11	3.4318		
Sg. Klah	15		3.8944	
Sig.		.064	1.000	



Dari segi impak sosial pula kesemua homestay di FELDA mengalami impak yang sama dan bersifat positif. Impak budaya juga menunjukkan terdapat tiga kumpulan yang mengalami perbezaan. Kumpulan pertama terdiri daripada homestay di Felda Serting Hilir, Felda Selasih, Felda Sg. Tenggi, Felda Sg. Klah dan Felda Mata Ayer. Kumpulan kedua pula terdiri daripada homestay Felda Sg. Tenggi, Felda Sg. Klah, Felda Mata Ayer dan kumpulan terakhir terdiri daripada Homestay Felda Mata Ayer, Felda Semenchu dan Felda Jengka 25. Berasaskan impak budaya, didapati kumpulan ketiga mencatatkan impak yang tertinggi.

Dari segi impak alam sekitar terdapat dua kumpulan yang dibezakan iaitu kumpulan Felda Selasih, Felda Hilir, Felda Semenchu, Felda Jengka Mata Ayer dan Felda Sg. Tenggi, manakala satu kumpulan lain hanya terdiri dari satu felda iaitu Felda Sg. Klah. Ini jelas menunjukkan dari segi impak alam sekitar, jelas Felda Sg. Klah memperoleh impak tertinggi.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan pembangunan program homestay amat berjaya di Malaysia. Kejayaan ini bukan sahaja kerana sokongan daripada kerajaan dalam membangunkan komuniti luar bandar, tetapi juga disokong oleh peranan komuniti sendiri yang ingin sama terlibat dalam pembangunan pelancongan. Dengan penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan memberi peluang kepada mereka untuk terlibat dalam arus pembangunan ekonomi selain yang paling utama dapat memberi peluang meningkatkan pendapatan disamping beberapa faedah lain.

Sebagaimana hasil daripada kajian ini, jelas menunjukkan melalui penglibatan sebagai pengusaha homestay, komuniti berupaya memperoleh faedah ekonomi khususnya menambahkan pendapatan, meningkatkan taraf hidup, meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pentadbiran/kewangan dan sebagainya. Begitu juga faedah dari aspek sosial, budaya dan alam sekitar. Kesemua impak ini berjaya diperoleh pengusaha dan ini akan terus menjadi pendorong kepada mereka untuk terus terlibat sama.

Bagaimanapun, impak yang diperoleh ketujuh-tujuh buah homestay dalam kawasan FELDA yang dijadikan kajian sebenarnya adalah berbeza. Homestay Semenchu, Mata Ayer dan Sg. Kelah umpamanya menerima impak ekonomi yang lebih tinggi berbanding homestay yang lain. Manakala dari segi impak budaya, homestay Mata Ayer, Semenchu dan Jengka mengatasi lain-lain homestay dan dari segi impak alam sekitar pula faedah yang dinikmati oleh pengusaha Homestay Sg. Klah adalah paling tinggi. Bagi impak sosial, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan ketara antara kesemua homestay kajian. Beberapa homestay iaitu Semenchu, Mata Air, Jengka dan Sg. Klah boleh dijadikan sebagai sumber

rujukan dalam membangunkan produk pelancongan ini dalam kawasan FELDA kerana impak positif yang lebih tinggi berbanding yang lain. Bagaimanapun, impak ini adalah berdasarkan kajian terhadap persepsi pengusaha-pengusaha homestay.

Sebagai rumusan, kajian ini, jelas menunjukkan pembangunan homestay dalam kalangan komuniti perlu diteruskan kerana faedah positif yang mereka peroleh. Sungguhpun pembangunan pelancongan turut membawa impak negatif tetapi kadarnya adalah sangat minimum khususnya kepada masyarakat dan pengusaha homestay. Dalam usaha memantapkan pembangunan, oleh kerana homestay dalam kajian berada dalam kawasan FELDA, tindakan memaju dan memperbaiki kelemahan dalam kalangan pengusaha homestay ini boleh dilakukan bersama. Sementara, sokongan kewangan dan pembangunan infrastruktur yang lebih lengkap, boleh disediakan oleh pihak FELDA dalam usaha menjayakan pembangunan produk pelancongan ini.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Kebangsaan Malaysia melalui dana penyelidikan MPOB Endowment Research Grant (MPOB-UKM-2013-006).

## RUJUKAN

- Abd.Aziz, N.N., Omar, Z., & Saud, N.A. 2010. Tahap kualiti perkhidmatan dalam program homestay di Selangor; Bab 11, *Pelancongan, Homestay dan Pembangunan Komuniti* Penerbit UMT.
- Ashley, C., Roe, D., & Goodwin, H. 2001. Pro-poor strategies: Making tourism work for the poor. A review of experience. *Pro-poor Tourism Report*. Vol.1. London: Overseas Development Institute.
- Bestard, B. A., & Nadal, J. R. 2007. Modelling environmental attitudes toward tourism. *Tourism Management* 28(3): 688–695.
- Bhuiyan, M. A. H., Siwar, C., Ismail, S. M., & Islam, R. 2011. The role of home stay for ecotourism development in east coast economic region. *American Journal of Applied Sciences* 8(6): 540–546.
- Brohman, J. 1996. New directions in tourism for third world development. *Annals of Tourism Research* 23(1): 48–70.
- Harvey, M. J., Hunt, J., & Harris, C. C. 1995. Gender and community tourism dependence level. *Annals of Tourism Research* 22(2): 349–366.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. 2014. Program Homestay Malaysia. Diambil dari <http://www.motac.gov.my/soalan-lazim/program-homestay-malaysia>
- Kim, K., Uysal, M., & Sirgy, M. J. 2012. How does tourism in a community impact the quality of life of community residents? *Tourism Management*: 527–540.
- Kuvan, Y., & Akan, P. 2005. Residents' attitudes toward general and forest-related impacts of tourism: The case of Belek, Antalya. *Tourism Management* 26(5): 691–706.
- Malaysia. 2017. *Data Sektor Kebudayaan*. Percetakan Watan Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

- Malaysia. 2012. *Laporan Ekonomi 2012/2013*. Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- Mbaiwa, J.E., & Stronza, A.L. 2011. Changes in resident attitudes towards tourism development and conservation in the Okavango Delta, Botswana. *Journal of Environmental Management* 92 (2011): 1950–1959.
- Murphy, P. A., & Watson, W. 1995. Winner, losers and curate's eggs: Urban and regional outcomes of Australian economic restructuring 1971–1991. *Geoforum* 26(4): 337–349.
- Razzaq, A. R. A., Hadi, M. Y., Mustafa, M. Z., Hamzah, A., Khalifah, Z., & Mohamad, N. 2011. Local community participation in homestay program development in Malaysia. *Journal of Modern Accounting and Auditing* 7(12): 1418–1429.
- Salleh, N.H.M., Mohd Idris, S.H., Othman, R., & Saiful Nizam M. 2014. Homestay in Melaka: Participation of local community the impact and potential. *South Asian Journal of Tourism and Heritage* 7 (1): 74–87.
- Scheyvens, R. 2002. *Tourism for Development: Empowering Communities*. Pearson Education.
- Syed Zamberi, A., Fauzia, J. & Mehmood Khan. 2014. Entrepreneurs choice in business venture: Motivations for choosing home-stay accomodation business in Peninsular Malaysia. *International Journal of Hospitality Management* 36: 31–40.
- Yunis. E. 2004. Tourism and Poverty Allevation. Diambil dari Yunis%20(eng)%20euromeeting%202004/f148ca1c-b147-4892-9cb1-9870972af258.

Norlida Hanim Mohd Salleh\*  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi Selangor  
 MALAYSIA  
 E-mail : ida@ukm.edu.my

Suhaya Samad  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi Selangor  
 MALAYSIA  
 E-mail : suhayasamad@gmail.com

\*Corresponding author